BAB 7

PERBANDINGAN

7.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tumpang tindih permaknaan konotatif yang berlaku diantara kata nama tumbuhan dan kata nama haiwan.

Kata nama tumbuhan dan haiwan yang dipecahkan kepada dua subbahagian, masing-masing kini dikelompokkan menjadi satu bahagian setiap satunya. Analisis ini akan memperlihatkan jenis kata nama yang lebih banyak membawa sesuatu permaknaan konotatif.

7.2 Pengumpulan Data

Setiap data bagi kata nama tumbuhan dan haiwan yang dipilih sebagai data analisis, mengambil kira bahawa kedua-dua bahagian ini akan mempunyai permaknaan konotatif yang sama. Data-data yang tidak menunjukkan permaknaan konotatif yang sama, tidak akan diambil kira.

7.3 Tumpang Tindih Permaknaan Konotatif

Berikut adalah jadual yang menunjukkan tumpang tindih permaknaan konotatif yang berlaku pada kedua-dua jenis kata nama.

TUMPANG TINDIH MAKNA KONOTATIF

Kata Nama Tumbuhan	Kata Nama Haiwan	Konotatif
Akar/Duri/Tebu	Enggang/Ular	Musuh
Akar/Bunga/Mayang/ Nangka/Padi	Ayam/Anak Ayam/Buaya/ Elang/Gajah/Kuang/Kerbau/ Kucing/Rusa/Tupai/Gading	Seseorang
Akar/Buah/Dahan/Aur/ Rebung/Biji/Duri/Inai/ Kacang/Limau/Mayang/ Nangka/Kelapa/Padi/ Petai/Pinang/Rotan/ Rumput/Sirih/Bengkok Tebu/Tebu/Terung	Anjing/Ayam/Babi/Badak/ Bangau/Bayan/Belalang/ Belut/Berudu/Beruk/ Biawak/Buaya/Buntal/ Burung/Cacing/Cicak/ Gagak/Gajah/Harimau/ Ikan/Itik/Kambing/Kambing kecil/Katak/Katak Betung/ Kelkatu/Keli/Kepiting/ Kera/Kerbau/Kodok/Kuang/ Kucing/Kuda/Kura-kura/ Kutu/Labah-labah/Lalat/ Langau/Lebah/Lembu/	Orang

Kata Nama Tumbuhan	Kata Nama Haiwan	Konotatif
	Lintah/Lotong/Merak/ Monyet/Musang/Pacat/ Pelanduk/Pijat-pijat/ Pipit/Rusa/Semut/Sepasin/	
	Anak Sepat/Siput/Tikus/ Tuma/Tupai/Ular/Ulat/ Umang-Umang	Orang
Batang/Aur/Buluh Kasap/ Enau/Pinang/Sabut/Sirih	Belalang/Enggang/Gajah/ Itik/Kambing/Kerbau/ Kutu/Langau	Pekerjaan
Batang/Batang Merdeka/ Buah/Bunga/Ara/Kayu Ara/ Kepayang/Rumbia	Beruk/Burung/Gajah/ Ikan/Ikan Radai/Kerbau/ Murai/Pelanduk/Pipit/ Puyuh/Semut Gatal/ Siamang/Tikus/Gading	Sesuatu
Buah/Tua-tua terung	Tua-tua tupai	Orang tua
Bunga/Bunga Kembang/ Labu/Kelapa/Tebu	Ayam/Tikus	Perawan/Gadis
Bunga/Asam/Cempedak/ Pinang/Rumput/Ulam	Biawak/Burung/Cacing/ Gajah/Itik/Kuang/Murai	Perempuan

Kata Nama Tumbuhan	Kata Nama Haiwan	Konotatif
Asam	Anjing/Biawak/Kumbang	Lelaki
Aur	Ikan	Suami isteri
Rebung/Birah/Nyiur	Ayam	Anak-anak
Bacang/Buah delima	Kelip-kelip	Rahsia
Birah/Ulam	Anjing	Lelaki jahat
Cempedak/Pisang/Rotan/ Sirih	Kerbau	Kesenangan
Durian/Kelapa/Padi/ Pisang/Tebu	Burung/Kerbau/Kijang	Keuntungan
Enau/Kaduk	Anjing/Belalang/Cacing/ Pipit	Orang hina
Lalang/Pinang sebatang	Enggang/Kera/Anak kera/ Kerbau tanduk panjang/ Kerbau/Kucing/Nyamuk/ Pijat-pijat/Ular	Orang lain
Mentimun	Ayam/Belalang/Kerbau/ Kura-kura	Orang bodoh
Mentimun	Cacing/Katak/Kuman/ Landak/Pijat-pijat/ Pipit/Sepat	Orang kecil/Orang biasa/ Orang kebanyakan

Kata Nama Tumbuhan	Kata Nama Haiwan	Konotatif
Kelapa/Kerambil/Padi	Burung/Ikan/Rusa	Hasil
Rumput	Babi/Anak kucing/Pacat	Orang miskin
Lalang	Ayam/Ayam hitam terbang malam bertali ijuk/ Musang	Kejahatan
Tebu	Ikan/Itik/Kasturi/ Lalat/Nyamuk/Pelanduk/ Rusa/Semut	Hidupan
Terung	Burung	Pasangan
Jumlah - 81	Jumlah - 146	Jumlah - 24
Jumlah keseluruhan - 337	Jumlah keseluruhan - 665	

Berpandukan jadual di atas didapati hanya 24 permaknaan konotatif yang dikongsi bersama antara kata nama tumbuhan dan haiwan. Jumlah kata nama tumbuhan yang digunakan untuk menggambarkan 24 permaknaan konotatif di atas ialah[1] 81 data iaitu 24.0 % daripada jumlah keseluruhan data kata nama tumbuhan. Manakala untuk kata nama haiwan sejumlah[1] 146 data digunakan, iaitu 18.6 % daripada jumlah keseluruhan data kata nama haiwan.

---

[1] Jumlah tidak mengambil kira kata nama yang telah berkolokasi.

Jumlah ini menunjukkan kata nama tumbuhan lebih banyak digunakan untuk menggambarkan penggunaan konotatif yang terpilih.

7.4 Kesimpulan

Kebijaksanaan masyarakat lalu dalam menggambarkan sesuatu perkara tidak hanya terhad kepada sesuatu perkara yang dipilih sahaja. Penggunaan kata yang pelbagai memperlihatkan kepekaan masyarakat lalu dalam mengadaptasi sesuatu permaknaan dengan pelbagai kata yang dipilih. Kata nama yang dipilih boleh dari kata nama haiwan atau tumbuhan yang akhirnya membawa gambaran makna konotatif yang sama. Di samping itu ternyata kata nama haiwan lebih kurang sekali ganda banyaknya daripada kata nama tumbuhan untuk merujuk kepada makna konotatif yang sama.

BAB 8

PENUTUP

8.1 Pendahuluan

Bab penutup ini akan menghimpunkan kesimpulan keempat-empat bab analisis yang dibincangkan sebelum ini. Di akhir bab ini akan diberikan cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan dalam bidang semantik.

Walaupun aspek semantik terletak di bawah kajian bidang linguistik seperti juga aspek fonologi dan sintaksis, kajian khusus yang menyentuh aspek semantik amat terhad. Ahli bahasa mahupun para sarjana banyak memberi tumpuan mereka kepada aspek fonologi dan sintaksis, atas dasar aspek semantik adalah satu aspek yang agak luas dan sukar dikaji secara empirikal. Jurang yang ketara antara ketiga-tiga aspek di bawah satu bidang yang sama, mendorong pengkaji untuk memilih aspek semantik leksikal dalam peribahasa Melayu sebagai satu displin kajian.

8.2 Rumusan

Telah terbukti peribahasa Melayu menggunakan elemen-elemen yang terdapat di persekitaran dan alam sekeliling mereka sebagai simbol permaknaan tersirat lagi mendalam untuk menyampaikan hasrat hati mereka.

Pemilihan yang dilakukan oleh mereka amat tepat memenuhi ciri atau makna yang dipilih berasaskan ciri fizikal yang mencakupi rupa mahupun

keadaan, kedudukan elemen dan kepercayaan agama, umpamanya apabila menggunakan haiwan-haiwan yang haram hukumnya dalam agama Islam, iaitu anjing dan babi.

Penggunaan elemen-elemen persekitaran manusia dan alam sekeliling memikul permaknaan-permaknaan tertentu dan membawa permaknaan yang lebih terperinci apabila dikolokasikan. Berikut adalah jumlah dan peratusan leksikal kata nama yang terpilih dalam bab-bab analisis.

Leksikal Kata Nama	Jum	%	Makna Tersendiri				Kolokasi (luas)		Catatan	
			Kata Nama		Kolokasi					
			Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
1. Kata Nama Tumbuhan	75	100	38	47.5	20	25	22	27.5	80	100
									5 peratus yang mempunyai lebih dari 1 permaknaan	
2. Kata Nama Jenis Tumbuhan dan Bahagian-bahagiannya	262	100	178	63.8	42	15.1	59	21.1	279	100
									13 peratus yang mempunyai lebih dari 1 permaknaan	

Leksikal Kata Nama	Jum	%	Makna Tersendiri				Kolokasi (luas)		Catatan	
			Kata Nama		Kolokasi					
			Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
3. Kata Nama Haiwan	637	100	489	73.3	57	8.5	121	18.1	667	100
									23 peratus yang lebih 1 pemaknaan	
4. Kata Nama Bahagian Tubuh Haiwan	28	100	5	15.6	20	62.5	7	21.9	32	100
									4 peratus yang lebih 1 pèrmaknaan	
Jumlah Keseluruhan	1002	100	710	67.1	139	13	209	19.8	1058	100

Secara kuantitatif, kata nama haiwan mencatatkan peratus tertinggi (73.3 %) makna yang berdiri sendiri, diikuti kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (63.8 %), kata nama tumbuhan (47.5 %) dan kata nama bahagian tubuh haiwan (15.6 %).

Kolokasi kata yang berdiri sebagai satu makna tersendiri, kata nama bahagian tubuh haiwan mencatatkan peratus tertinggi (62.5 %),

diikuti kata nama tumbuhan (25 %), kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (15.1 %) dan kata nama haiwan (8.5 %).

Sementara kolokasi kata yang memperincikan sesuatu makna (perluasan makna), kata nama tumbuhan mencatatkan peratusan tertinggi (27.5 %), diikuti kata nama bahagian tubuh haiwan (21.9 %), kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (21.1 %) dan kata nama haiwan (18.1 %).

Dapatan kajian juga menunjukkan perubahan golongan kata yang berlaku apabila sesuatu leksikal kata nama dikonotatifkan. Berikut adalah peratusan leksikal kata nama yang berubah golongan kata.

Leksikal Kata Nama	Makna Tersendiri								Jum	%
	Kata Nama		Kata Kerja		Kata Adjektif		Kata Tugas			
	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%		
1. Kata Nama Tumbuhan	38	73.1	1	1.9	7	13.5	6	11.5	52	100
2. Kata Nama Jenis Tumbuhan dan Bahagian-bahagiannya	153	68.6	11	4.93	51	22.9	8	3.6	223	100
3. Kata Nama Haiwan	400	95.2	2	0.48	18	43	-	-	420	100

4. Kata Nama Bahagian Tubuh Haiwan	15	68.2	1	4.5	3	13.6	3	13.6	22	100
Jumlah Keseluruhan	600	84.5	15	2.1	79	11.0	17	2.4	717	100

Analisis data menunjukkan kebanyakan kata nama leksikal tetap mengekalkan golongan katanya walaupun permaknaan asalnya telah dikonotatifkan. Rajah menunjukkan 84.5 % kata nama leksikal masih dalam lingkungan golongan kata nama, 2.1 % membentuk kata kerja, 11.0 % kata adjektif dan 2.4 % kata tugas yang merujuk kepada kata relatif `yang'.

Kata nama haiwan mencatatkan peratus tertinggi (95.2 %) mengekalkan kata nama, diikuti kata nama tumbuhan (73.1 %), kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (68.6 %) dan kata nama tubuh haiwan (68.2 %).

Sementara golongan kata kerja, peratus tertinggi dicatatkan oleh kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (4.93 %), diikuti kata nama bahagian tubuh haiwan (4.5 %), kata nama tumbuhan (1.9 %) dan kata nama haiwan (0.48 %).

Golongan kata adjektif, peratusan tertinggi di catatkan oleh kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (22.9 %), diikuti kata nama

tumbuhan (11.5%), kata nama bahagian tubuh haiwan (13.6%) dan kata nama haiwan (4.3%).

Bagi golongan kata tugas, peratusan tertinggi dicatatkan oleh kata nama bahagian tubuh haiwan (13.6%) diikuti kata nama tumbuhan (11.5%), kata nama jenis tumbuhan dan bahagian-bahagiannya (3.6%) dan kata nama haiwan (0.0%).

Dapatan kajian menunjukkan kata nama leksikal bertindak sebagai inti kepada rangkaikata permaknaan konotatif yang terhasil, contohnya orang yang malas, orang gemuk, orang mulia dan sebagainya. Rangkaikata permaknaan seumpama ini menggunakan golongan kata lain untuk bertindak sebagai penerang kepada kata inti. Ini adalah antara sebab, kata nama leksikal mencatatkan peratusan tertinggi berbanding dengan golongan kata lain. Kebijaksanaan masyarakat lalu dalam menggambarkan sesuatu perkara tidak hanya terhad kepada sesuatu kata yang dipilih sahaja. Penggunaan kata yang pelbagai memperlihatkan kepekaan masyarakat lalu dalam mengadaptasi sesuatu permaknaan dengan pelbagai kata yang dipilih. Kata nama yang dipilih boleh dari kata nama haiwan atau tumbuhan yang akhirnya membawa gambaran makna konotatif yang sama. Di samping itu ternyata kata nama haiwan lebih kurang sekali ganda banyaknya daripada kata nama tumbuhan untuk merujuk kepada konotatif yang sama.

8.3 Cadangan

Kajian semantik leksikal dalam peribahasa Melayu ini adalah merupakan kajian terawal yang menyentuh cabang khazanah kekayaan bahasa Melayu. Masih banyak lagi cabang khazanah bahasa yang belum dikaji, umpamanya simpulan bahasa, gurindam dan seloka.

Kajian yang selanjutnya boleh difokuskan kepada kajian mendalam serta terperinci berhubung bentuk permaknaan yang terhasil sama ada berbentuk nasihat, larangan, galakan atau dorongan kepada pendengarnya. Kajian demikian, dapat mengupas fungsi sebenar cabang khazanah kekayaan bahasa ini. Maka akan terserlah dan terbukti kebijaksanaan masyarakat Melayu lampau dalam pemilihan elemen simbol yang sememangnya tepat lagi jitu.

Adalah menjadi harapan, kajian ini akan menjadi titik tolak usaha selanjutnya dalam aspek semantik cabang khazanah kekayaan bahasa.